



Pengumuman Terkini

Keputusan Pertandingan Perekaan Barangan Kemas Pertama Malaysia Telah Diumumkan

MIJF Jewellery Design Awards Berjaya Menemui Bakat Pereka Barangan Kemas Muda

Kuala Lumpur, Malaysia: Keputusan MIJF Jewellery Design Awards yang amat diantisipasi telah diumumkan. Hadiah lumayan seperti biasiswa dan wang akan diberikan kepada pemenang dan finalis daripada kesemua empat kategori (cincin, subang, kalung dan gelang/kerongsang). Lin Lin Chen dari Cina berjaya memenangi hadiah Pemenang dalam kategori cincin, manakala Lee Ye Jia dari Malaysia telah menang dalam kategori subang Low Sue Mei dari Malaysia dengan bangganya memenangi hadiah Pemenang dalam dua kategori iaitu kategori kalung dan gelang/kerongsang.

MIJF Jewellery Design Award diperkenalkan kepada akademi dengan aktiviti promosi tetap di seluruh Asia sejak bulan November 2010. Kesannya, penganjur telah menerima lebih daripada 200 unit hantaran perekaan barangan daripada pelajar-pelajar yang berkhusus dalam bidang seni dan rekabentuk di akademi dari Malaysia, Singapore, Thailand, Filipino, Korea, Indian dan juga Amerikai.

Sebagai satu tanda menyambut kelahiran pertandingan MIJF Jewellery Design Award, tema pertandingan ini adalah "New Life" (Kehidupan Terbaru), bertujuan memberikan gabungan makna kemudaan, keghirahan dan kebakatan pereka jewelry yang dapat menghasilkan satu hidupan yang baru, kaguman inspirasi dan harapan kepada industri barangan kemas. "New Life" juga ingin memberikan impian baru kepada pereka bentuk yang muda dalam memulakan satu era baru kepada fesyen perhiasan.

Pemenang-pemenang dalam empat kategori pertandingan ini akan bekerjasama dengan Ameer Philips Jewellery untuk memperbuatkan barangan kemas dengan merujuk kepada reka bentuk mereka dan mempamerkan empat koleksi barangan kemas itu di MIJF 2011. Selain itu, hasil keuntungan penjualan empat koleksi ini semasa MIJF 2011 juga akan disumbangkan kepada Persatuan Kebajikan Kanser Payudara Malaysia (BCWA). Reka bentuk yang berjaya mendapat



anugerah akan dipamerkan pada haribulan 7 ke 10 Julai semasa MIJF dijalankan di Kuala Lumpur Convention Centre, Hall 1.

Fokus pertandingan ini pasti adalah pemilihan Pemenang Utama daripada empat orang pemenang kategori yang disertai oleh semua pelawat dalam empat hari pameran MIJF 2011. Pemenang Utama ini akan dihadiahkan biasiswa untuk belajar di Khusus Perekaan Barangan Kemas GIA Thailand yang bernilai 115,900 THB (lebih kurang RM12,000). Pertandingan ini telah menawarkan hadiah-hadiah bernilai sebanyak RM24,000 kepada semua pemenang tahun ini. Upacara Anugerah MIJF Jewelry Design Awards 2011 akan dilangsungkan pada hari keempat pameran ini untuk menyampaikan hadiah-hadiah kepada pemenang-pemenang.

Sesi Pemilihan Pemenang Utama MIJF 2011

Tarikh & Masa Tutup: 10 Julai 2011, pukul 2 petang

Informasi Upacara Anugerah MIJF Jewelry Design Awards 2011

Tarikh: 10 Julai 2011

Masa: 3pm*

Tempat: Zon Pentas, Dewan 1, Kuala Lumpur Convention Centre

Panel hakim tahun ini termasuk Mr. Mark B.Mann, pengarah Jewellery Manufacturing Arts (JMA) Institute of Gemmological Institute of America (GIA) Thailand; Puan Amee Philips, pengasas kumpulan Amee Philips, pereka barangan kemas jenama ini dan tukang kraf barang kemas utama jenama; Encik Ng Yih Pyng, MBA, pengerusi *Federation of Goldsmiths And Jewellers Associations Of Malaysia* dan Pengarah Urusan Kumpulan Tomei Consolidated Bhd; dan Encik Johnson Lim, CEO Elite Expo Sdn. Bhd. dan pengasas pameran MIJF. Panel hakim akan memilih pemenang berdasarkan kreativiti, aestetik, permintaan pasaran, kompatibiliti dan hubungan dengan tema.

MIJF juga mempunyai harapan besar dalam memperluaskan industri perhiasan Malaysia ke tahap antarabangsa dalam masa hadapan dan menjadi pemimpin fesyen barangan kemas di dunia. "MIJF Design Awards merupakan langkah pertama dalam membawakan keunikan perekaan

barangan kemas Malaysia kepada mata dunia," Pengurus PR dan Komunikasi dari syarikat Elite Expo, Evon Young berkata.

Berikut merupakan senarai nama pemenang-pemenang dan finalis di MIJF Jewellery Design Awards 2011:

| | |
|---|--|
| <p><u>Kategori Cincin</u></p> <p>Pemenang: Lin Lin Chen</p> <p>Finalis: Lee Ye Jia Leong Wei Haur Winnie Wong King Ming (dua perekaannya telah dipilih)</p> | <p><u>Kategori Gelung dan Bros</u></p> <p>Pemenang: Low Sue Mei</p> <p>Finalis: Low Sue Mei Mohd Izwan B. Mohamad Zaini Shubendo A Karmokak Tan Sok Lim</p> |
| <p><u>Kategori Anting-Anting</u></p> <p>Pemenang: Lee Ye Jia</p> <p>Finalis: Pang Cek Ying Park Seoyun Tan Sim Yee Winnie Wong King Ming</p> | <p><u>Kategori Kalung</u></p> <p>Pemenang: Low Sue Mei</p> <p>Finalis: Choo Sze Thing Lin Lin Chen Winnie Wong King Ming Yap Kai Ning</p> |

Malaysia International Jewellery Fair 2011 (MIJF 2011)

Malaysia International Jewellery Fair 2011 (MIJF 2011) – pameran barang hiasan yang terbesar di Malaysia, juga dikenali sebagai pentas perniagaan barang hiasan yang amat penting dengan mengumpulkan semua peniaga, pakar penilai dan pembeli dari industri barang hiasan antarabangsa di pameran ini. Dengan perkembangan pameran ini setahun-tahun, MIJF 2011 akan menarik pesertaan 100 syarikat-syarikat barang hiasan dunia dan mempamerkan sebanyak 100,000 koleksi barang hiasan yang amat mewah. Selain itu, pameran juga berjangka akan menerima kemasukan sebanyak 18,000 orang pengunjung. MIJF 2011 – sebuah pentas dunia perniagaan barang hiasan yang membolehkan ahli industri barang hiasan mengembangkan



perniagaan barang hiasan-nya dan meningkatkan taraf pengetahuannya atas fesyen barang hiasan terkini.

#####

Untuk maklumat selanjut bertentangan MIJF 2011 dan MIJF Jewellery Design Awards 2011, atau ingin mendapatkan foto-foto pameran, sila menghubungi

Cik Jun Leong

Eksekutif PR & Komunikasi Elite Expo Sdn. Bhd.

(Tel) 603-58911157 (Fax) 603-58911147 (Emel) jun@elite.com.my

(Laman Rasmi) www.elite.com.my/mjif/index.php